GOBALAKRISHNAN NAGAPAN A

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG B
MOHD AMIN FIRDAUS PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41S-63-08-2012]
27 NOVEMBER 2012

KETERANGAN: *Dengar cakap - Kenyataan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah - Tuduhan di bawah s. 353 Kanun Keseksaan - Mangsa tidak dipanggil untuk memberi keterangan - Sama ada kenyataan mangsa di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah boleh diterima - Akta Keterangan 1950, s. 32* C

KETERANGAN: *Kebolehterimaan - Dengar cakap - Kenyataan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah - Tuduhan di bawah s. 353 Kanun Keseksaan - Mangsa tidak dipanggil untuk memberi keterangan - Sama ada kenyataan mangsa di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah boleh diterima - Akta Keterangan 1950, s. 32* D

KETERANGAN: *Saksi - Kredibiliti - Percanggahan dalam keterangan - Sama ada material atau cuma suatu 'discrepancy' - Sama ada percanggahan wujud daripada 'perception' individu - Sama ada wujud jurang percanggahan* E

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 353 - Menggunakan kekerasan jenayah ke atas seorang anggota polis - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Elemen-elemen s. 353 - Sama ada terdapat serangan atau penggunaan kekerasan jenayah - Sama ada penggunaan kekerasan ditujukan kepada penjawat awam - Sama ada kekerasan jenayah dilakukan ketika penjawat awam sedang menjalankan kewajipannya sebagai penjawat awam - Keterangan mangsa berdasarkan kenyataan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah - Sama ada pembelaan hanya penafian kosong - Sama ada rayuan dibenarkan* F G

Tertuduh/perayu telah dituduh dengan kesalahan menggunakan kekerasan jenayah ke atas seorang anggota polis iaitu Sub-Inspektor Karunamurthi ('mangsa') yang merupakan seorang penjawat awam, satu kesalahan di bawah s. 353 Kanun Keseksaan ('s. 353'). Di akhir kes pembelaan, perayu telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM5,000, jika gagal membayarnya, hukuman penjara enam bulan akan dikenakan. Perayu telah merayu terhadap sabitan dan hukuman. Perayu menghujahkan bahawa pihak pendakwaan tidak memenuhi elemen pertama s. 353, iaitu adanya serangan atau penggunaan kekerasan jenayah kerana: (i) keterangan daripada mangsa hanya berdasarkan H I

kenyataan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') sedangkan mangsa tidak dipanggil untuk memberi keterangan; (ii) saksi dan ekshibit tidak menyokong kenyataan mangsa di bawah s. 112 KTJ; (iii) wujudnya percanggahan yang ketara antara kenyataan mangsa dan keterangan SP4 kerana menurut SP4, perayu telah menampar mangsa tetapi mangsa menyatakan bahawa perayu menumbuknya. Perayu juga menghujahkan bahawa pihak pendakwaan gagal memenuhi elemen kedua s. 353 iaitu serangan atau penggunaan kekerasan tersebut ditujukan kepada penjawat awam. Seterusnya perayu menghujahkan bahawa pendakwaan gagal memenuhi elemen ketiga iaitu serangan dan kekerasan jenayah tersebut dilakukan ketika penjawat awam sedang menjalankan kewajipannya sebagai penjawat awam.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Kesemua elemen pertuduhan di bawah s. 353 Kanun Keseksaan telah dibuktikan berdasarkan keterangan-keterangan saksi dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. (perenggan 29)

(2) Tindakan perayu berpusing ke belakang dan melepaskan tumbukan ke atas mangsa merupakan satu bentuk kekerasan jenayah, tidak kira sama ada mangsa mengalami sebarang kecederaan atau tidak. Dalam kes ini, mangsa tidak cedera kerana sempat mengelak. Seksyen 353 tidak menyatakan keperluan bahawa mangsa mesti cedera akibat perbuatan perayu. (perenggan 30)

(3) Mangsa merupakan seorang anggota polis berpangkat Sub-Inspektor iaitu seorang penjawat awam yang memenuhi elemen s. 353 dan telah dibuktikan memang berada di tempat kejadian pada masa dan tempat kejadian melalui kenyataan s. 112 KTJ. (perenggan 31)

(4) Walaupun kenyataan s. 112 KTJ merupakan 'hearsay' dan perlu disokong oleh saksi atau ekshibit tertentu, namun ia boleh diterima pakai dalam keadaan tertentu mengikut s. 32 Akta Keterangan 1950. (perenggan 33)

(5) Percanggahan antara keterangan SP4 dan keterangan mangsa tersebut tidak material, sebaliknya cuma suatu 'discrepancy'. Perbuatan 'menampar' atau 'melepaskan tumbukan' ke atas seseorang, kedua-duanya merujuk kepada tindakan/perbuatan kekerasan ke atas seseorang. Ia berpunca daripada 'perception' seorang individu. Oleh itu, kebolehpercayaan mangsa tidak diragui. Tambahan lagi, tidak wujud jurang percanggahan dalam pernyataan mangsa dan keterangan SP4; *(PP v. Mohamed Ali* dirujuk). (perenggan 33)

(6) Sungguhpun laporan polis mangsa tidak dikemukakan, kegagalan untuk berbuat demikian tidak memudaratkan kepentingan kes pendakwaan oleh sebab kes pihak pendakwaan tidak bergantung pada keterangan mangsa semata-mata tetapi juga terdapat keterangan secara langsung oleh SP4; *(Ooi Hock Leong v. Regina* dirujuk); *(Balachandran v. PP* dirujuk). (perenggan 36)

(7) Perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah. Pembelaan perayu adalah suatu penafian kosong yang tidak terjumlah kepada pembelaan; *(DA Duncan v. PP* dirujuk); *(De Silva v. PP* dirujuk). (perenggan 38)

Kes-kes yang dirujuk:
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
DA Duncan v. PP [1980] 1 LNS 12 FC ***(dirujuk)***
De Silva v. PP [1964] 1 LNS 32 HC ***(dirujuk)***
Ooi Hock Leong v. Regina [1955] 1 LNS 84 HC ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Ali [1962] 1 LNS 129 HC ***(dirujuk)***
PP v. Teh Cheng Poh [1979] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 112
Evidence Act 1950, ss. 8(2), 32(1)(i)
Penal Code, ss. 350, 353

Sumber-sumber yang dirujuk:
Ratanlal & Dhirajalal, *The Indian Penal Code*, 31st, edn, Reprint 2009, p 418, 1814

Bagi pihak perayu - Saiful Ambar Abdullah Ambar; T/n Ambar & Azah
Bagi pihak pendakwa - Suhaimi Ibrahim (Charanjit Singh bersamanya); Jabatan Peguam Negara

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Mohd Amin Firdaus PK:

Latar Belakang Kes

[1] Tertuduh/Perayu dituduh dengan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 17.8.2009 pada jam lebih kurang 11.00 pagi bertempat di hadapan Institut Kemahiran Belia Negara, Jalan Berapit, Kubang Semang di dalam daerah Seberang Perai Tengah, di dalam negeri Pulau Pinang telah menggunakan kekerasan jenayah ke atas

A seorang anggota polis iaitu Sub Inspektor Karunamurthi a/l Muniandiy yang merupakan seorang penjawat awam, dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 353 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

[2] Pada awal perbicaraan pada 8 Jun 2011, Mahkamah Majistret telah B memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap perayu, lalu beliau telah dilepaskan dan dibebaskan. Ini berdasarkan atas isu fakta dalam perkara identiti dan percanggahan bersama-sama pemakaian prinsip "adverse inference" atas alasan pihak pendakwaan gagal memanggil D/Kpl Tengku Saiful C Baharom.

[3] Kemudian pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap keseluruhan keputusan yang telah dibuat oleh Majistret. Rayuan telah didengar di hadapan YA Dato' Zamani bin A Rahim, di mana YA Dato' Zamani telah mengenepikan keputusan D pelepasan dan pembebasan terhadap perayu dan memerintahkan perayu dipanggil membela diri di atas pertuduhan s. 353 Kanun Keseksaan (KK).

[4] Perayu telah memberikan keterangan pembelaan pada 27 Julai 2012 E di hadapan Majistret yang sama. Di akhir kes pembelaan, perayu telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM5,000, jika gagal membayarnya, hukuman penjara enam bulan akan dikenakan.

[5] Di atas ketidakpuasan hati terhadap sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Majistret, perayu memfailkan rayuan di F Mahkamah Tinggi pada 27 Julai 2012.

Hujahan Pembelaan

[6] Antara hujahan pihak pembelaan yang relevan ialah:

G Pendakwaan tidak memenuhi elemen pertama s. 353 Kanun Keseksaan, iaitu adanya serangan atau penggunaan kekerasan jenayah iaitu:

(a) Keterangan daripada mangsa hanya berdasarkan kenyataan di H bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) sedangkan mangsa tidak dipanggil untuk memberi keterangan;

(b) Kenyataan di bawah s. 112 (KTJ) perlukan sokongan (corroboration) oleh keterangan saksi dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan. Namun begitu, dalam kes ini, saksi dan ekshibit I tidak menyokong kenyataan mangsa di bawah s. 112 (KTJ);

(c) Keterangan SP4 bukan sahaja tidak menyokong kenyataan mangsa di bawah s. 112 (KTJ) malahan wujudnya percanggahan yang ketara dengan kenyataan mangsa;

(d) SP4 memberi keterangan bahawa "Selain dari itu, saya juga lihat YB Balakrishnan ada menampar seseorang tetapi tidak berapa jelas siapa yang ditampar sebab terlalu ramai"; dan

(e) SP4 tidak dapat mengesahkan sama ada betul perayu telah menampar atau tidak dan tidak dapat mengenal pasti "siapa yang ditampar". Manakala dalam eks. P8, mangsa menyatakan bahawa perayu "menumbuknya".

[7] Pendakwaan juga gagal memenuhi elemen kedua s. 353 Kanun Keseksaan iaitu serangan atau penggunaan kekerasan tersebut ditujukan kepada penjawat awam.

[8] Oleh sebab eks. P8 kenyataan mangsa di bawah s. 112 (KTJ) bercanggah dengan keterangan saksi-saksi dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan oleh pendakwaan, di mana tiada satu saksi pun yang dapat mengecam mangsa ketika kejadian berlaku terutamanya SP4 dan SP6.

[9] Tiada laporan polis yang dibuat mangsa. SP6 memberi keterangan bahawa beliau merakam percakapan mangsa di bawah s. 112 (KTJ) berdasarkan laporan polis yang dibuat oleh mangsa, namun tidak pernah ada satu laporan polis yang dibuat oleh mangsa yang dikemukakan oleh pendakwaan.

[10] Pendakwaan gagal memenuhi elemen ketiga dalam pertuduhan iaitu serangan dan kekerasan jenayah tersebut dilakukan ketika penjawat awam sedang menjalankan kewajipannya sebagai penjawat awam.

[11] Tiada saksi pendakwaan yang memberi keterangan atau pengesahan bahawa mangsa ada bertugas pada tarikh dan di tempat kejadian.

[12] Pendakwaan gagal memanggil D/Koperal Tengku Saiful Baharom untuk memberi keterangan apabila adanya jurang percanggahan antara keterangan SP4 dan eks. P8.

Hujahan Pendakwaan

[13] Antara hujahan pihak pendakwaan yang relevan ialah:

Elemen-elemen di bawah s. 353 Kanun Keseksaan telah dipenuhi.

[14] Berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan terdapat kekerasan jenayah ke atas mangsa apabila perayu bertindak memusing ke belakang dan lepaskan tumbukan ke atas mangsa. Keterangan mangsa turut disokong oleh SP4 (C/Insp Mohd bin Mustafa).

[15] SP4 dalam keterangannya menyatakan "Selain itu saya juga lihat YB Gobalakirshnan ada macam menampar seseorang tetapi tidak berapa jelas siapa yang ditampar sebab terlalu ramai. Dia tampar polis di kawasan "XXX". Di kawasan tersebut yang boleh ada ialah pegawai dan anggota sahaja."

[16] Walaupun mangsa tidak cedera akibat daripada perbuatan perayu, namun perbuatan perayu yang telah berpusing ke belakang dan melepaskan tumbukan/tamparan ke arah mangsa adalah memadai bagi satu beban pembuktian "criminal force" seperti mana yang ditakrifkan di bawah s. 350 Kanun Keseksaan. (Rujuk illustration (a) s. 350 Kanun Keseksaan dan ms. 1814, Ratanlal & Dhirajlal, *The Indian Penal Code*, 31st edn. Reprint 2009.

[17] Elemen kedua juga dipenuhi di mana tidak dipertikaikan bahawa mangsa adalah seorang polis berpangkat Sub Inspektor (SI), maka beliau adalah seorang penjawat awam.

[18] Elemen ketiga juga dipenuhi bahawa mangsa bertugas pada tarikh dan di tempat kejadian, ini disokong oleh kenyataan mangsa (eks. P8) - rujuk ms. 63 rekod rayuan.

[19] Perayu gagal mematahkan, menjelaskan dan menjawab pertuduhan ke atasnya.

[20] Perayu tidak langsung menjawab berkenaan pergelutan, reaksi dan tindakan yang berlaku semasa berlakunya kekecohan tersebut.

[21] Keterangan pembelaan perayu berkenaan insiden tersebut adalah beliau tidak mengenali mangsa. Keterangan ini tidak memberi sebarang kesan yang boleh memberi impak timbulnya keraguan munasabah untuk pertuduhan ini. Ini boleh diibaratkan sebagai "bare denial".

[22] Keterangan perayu tidak "rebutted or explained" keterangan saksi pendakwaan.

Percakapan s. 112 (KTJ) Mangsa

[23] Percakapan saksi di bawah s. 112 KTJ telah dibenarkan dan diterima pakai oleh Majistret yang bijaksana yang menjalankan bicara dan Hakim Mahkamah Tinggi, YA Dato' Zamani sebagai keterangan kenyataan mangsa yang dirakam di bawah s. 112 KTJ.

[24] Walaupun keterangan mangsa di bawah s. 112 KTJ ini merupakan keterangan "hearsay" namun demikian, dalam keadaan tertentu ia adalah relevan dan boleh diterima mengikut s. 32 Akta Keterangan 1950. Rujuk s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 yang menyatakan:

> Statements, written or verbal, or relevant facts made by a person ... whose attendance cannot be procured without any amount of delay or expenses which under circumstances of the case appear reasonable are relevant facts in the following cases:
>
> (1) when the statement was made in the course of, or for the purposes of, an investigation or inquiry into an offence under or by virtue of any written law.

[25] SP5 telah memberi keterangan bahawa mangsa, Sub Inspektor Karunamurthi pada masa itu yang bertugas di Timor Leste di bawah misi United Nations (PBB) selama setahun mulai 3 November 2011 sehingga 3 November 2012.

[26] Ini boleh disimpulkan sekiranya mahkamah hendak menunggu kehadiran mangsa akan menimbulkan kelengahan yang tidak munasabah dan memerlukan kos yang tinggi untuk membawa pulang mangsa ke Malaysia.

[27] Tiada sebarang percanggahan material di dalam keterangan SP4 dan percakapan mangsa di bawah s. 112 KTJ.

[28] Percanggahan yang dimaksudkan ialah SP4 menyatakan bahawa perayu "menampar" seseorang, namun kenyataan mangsa dalam eks. P8 menyatakan perayu melepaskan tumbukan.

Penemuan Mahkamah

[29] Kesemua elemen pertuduhan di bawah s. 353 Kanun Keseksaan telah dibuktikan berdasarkan keterangan-keterangan saksi dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[30] Tindakan/perbuatan perayu berpusing ke belakang dan melepaskan tumbukan ke atas mangsa merupakan satu bentuk kekerasan jenayah, tidak kira sama ada mangsa mengalami sebarang kecederaan atau tidak. Di dalam kes ini mangsa tidak cedera kerana sempat mengelak. Mahkamah merujuk kepada ms. 418, Ratanlal & Dhirajalal, *The Indian Penal Code*, 31st edn. Reprint 2009, di mana penulis menyatakan pendapat: 'Assault or use of force in consequence of discharge of official duty; for an offence under s. 353, it is not essential that the hurt should be caused to the public servant while he is actually discharging his official duty". Dalam elemen s. 353 Kanun Keseksaan tidak menyatakan keperluan bahawa mangsa mesti cedera akibat daripada perbuatan perayu.

[31] Mangsa merupakan seorang anggota polis berpangkat Sub Inspektor iaitu seorang penjawat awam yang memenuhi elemen s. 353 Kanun Keseksaan dan telah dibuktikan memang berada pada masa dan tempat kejadian melalui kenyataan s. 112 KTJ.

[32] Dalam kes *Public Prosecutor v. Teh Cheng Poh* [1979] 1 LNS 82; [1980] 1 MLJ 251 (HC), mahkamah menyatakan bahawa:

> Seorang saksi polis bukanlah seorang saksi berkepentingan tetapi seorang pegawai awam yang menjalankan tugasnya.

[33] Walaupun kenyataan s. 112 KTJ merupakan "hearsay" dan perlu disokong oleh saksi atau ekshibit tertentu, namun ia boleh diterima pakai dalam keadaan tertentu mengikut s. 32 Akta Keterangan 1950. Nampaknya, terdapat percanggahan antara keterangan SP4 dan kenyataan mangsa (eks. P8) iaitu SP4 menyatakan bahawa perayu "menampar" seseorang, manakala kenyataan mangsa dalam eks. P8 menyatakan perayu "melepaskan tumbukan". Walau bagaimanapun, mahkamah berpendapat percanggahan tersebut tidaklah material, cuma suatu "discrepancy" sama ada perbuatan "menampar" atau "melepaskan tumbukan" ke atas seseorang, kedua-duanya merujuk kepada tindakan/perbuatan kekerasan ke atas seseorang. Ia berpunca daripada "perception" seorang individu. "No two witnesses can describe the happening in exactly the same manner." Namun begitu, berdasarkan petikan "*Judicial Proof*" [1957], September MLJ LXV ia menyatakan:

> Absolute trust is beyond human perception. Conflicting versions of an incident given by even honest and witness is a common human experience. This sceptism is not an attack on witness veracity so much as it is a recognition of human fallibility in observation retention and recollection.

[34] Dalam kes *Public Prosecutor v. Mohamed Ali* [1962] 1 LNS 129; [1962] MLJ 257, Thomson CJ (as he then was) mengatakan:

> When a police witness says something that is not inherently improbable his evidence must in the first instance be accepted. If he says he saw a cow jumping over the moon his evidence is, of course, not to be accepted, but if he says he saw a cow wandering along one of the main streets of Kuala Lumpur (the sort of thing we all see every day of our lives) there is not the slightest justification for refusing to believe him. Of course if his evidence is contradicted by other evidence or is shaken by cross-examination then it becomes the business of the magistrate to decide whether or not it should be accepted. In the absence of contradiction, however, and in the absence of any element of inherent improbability the evidence of any witness, whether a police witness or not, who gives evidence on affirmation, should normally be accepted.

[35] Oleh itu, mahkamah tidak meragui kebolehpercayaan Sub Inspektor Karunamurthi. Lagipun mahkamah mendapati tidak wujudnya jurang percanggahan di dalam eks. P8 dan keterangan SP4. Maka, tanpa kehadiran D/Koperal Saiful Baharom, ia tidak menjejaskan kepentingan di dalam kes pendakwaan ini. Berdasarkan penilaian maksimum ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa, mahkamah mendapati ianya dapat mengemukakan kes *prime facie* terhadap perayu.

Tiada Laporan Polis

[36] Sungguhpun laporan polis (first information report - FIR) mangsa tidak dikemukakan, kegagalan untuk berbuat demikian tidak memudaratkan kepentingan kes pendakwaan oleh sebab kes pihak pendakwaan tidak semata-matanya bergantung pada keterangan mangsa iaitu Sub Inspektor Karunamurthi tetapi juga terdapat keterangan secara langsung oleh SP4. Lihat kes *Ooi Hock Leong v. Regina* [1955] 1 CLJ 85; [1955] 21 MLJ 229. Dalam kes itu, mahkamah memutuskan kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan polis (FIR) tidak membawa padah kepada kes pendakwaan sebab terdapat keterangan mencukupi daripada saksi lain.

[37] Dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85; [2005] 2 MLJ 301 (FC), Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa:

> The evidentiary value of a first information report is only to contradict the testimony of a witness under s. 145 of the Evidence Act or to corroborate his testimony under s. 157 of the same Act. It is not substantive evidence of its contents. The question that required determination in the circumstances was whether the failure to adduce, in evidence, the first information report was capable of an adverse inference being drawn against the prosecution under s. 114 (g) of the Evidence Act. Where the evidence of a witness does not require to be corroborated in law, there is no obligation to tender corroborative evidence to support his testimony. Thus if the case for the prosecution rests solely on the evidence of one witness in such a category there is no requirement in law for his evidence to be corroborated.

[38] Keterangan pembelaan yang diberikan oleh perayu hanya beliau tidak mengenali mangsa, namun tidak menjurus kepada penjelasan atau jawapan terhadap pertuduhan yang dikenakan ke atasnya. Perayu langsung tidak menjawab berkenaan pergelutan, reaksi dan tindakan semasa berlakunya kekecohan dan pergelutan tersebut. Seksyen 8(2) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai, lihat *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717 (FC). Setelah mendengar keterangan pembelaan perayu yang hanya merupakan penafian semata-mata, mahkamah dapati perayu telah

gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah. Ianya adalah suatu penafian kosong tidak terjumlah kepada pembelaan menurut kes *DA Duncan v. PP* [1980] 1 LNS 12; [1980] 2 MLJ 195 (FC). Lihat *De Silva v. PP* [1964] 1 LNS 32; [1964] 30 MLJ 81. Malah terdapat beberapa fakta/keterangan perayu yang seolah-olah menyokong keterangan saksi pendakwaan, antaranya perayu mengaku beliau berada di tempat seperti mana dalam pertuduhan, dia juga mengaku bahawa pada waktu yang material dia telah keluar dari IKBN, iaitu Pusat Penamaan Calon Pilihan Raya Kecil Dun Permatang Pasir dan pergi ke kawasan "barricade" oleh polis di hadapan IKBN untuk berhadapan dengan penyokong-penyokong partinya bagi melaungkan kata-kata semangat dan perangsang dengan menggunakan "loud hailer" supaya penyokong-penyokong partinya tidak berganjak dari tempat itu, walaupun hari semakin terik. Dia turut mengaku pada hari itu dia telah ditangkap oleh polis di tempat kejadian. Selain daripada keterangan secara langsung (direct evidence) oleh SP4, kesemua ini juga merupakan keterangan "circumstantial" yang kukuh menyokong kes pembelaan.

Hukuman

[39] Setelah mendengar hujahan kedua-dua belah pihak dan meneliti hujahan bertulis kedua-dua belah pihak, mahkamah telah mengekalkan hukuman Mahkamah Majistret iaitu denda RM5,000 jika gagal bayar dipenjara selama enam bulan. Mahkamah berpendapat hukuman yang dikenakan adalah setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu dan bersifat untuk memberikan ingatan kepada perayu agar tidak mengulangi kesalahan yang sama. Perayu merupakan Ahli Parlimen. Namun begitu, dalam melaksanakan prinsip keadilan, mahkamah harus berlaku adil kepada semua golongan tanpa prejudis. "No man is above the law".